



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS APRESIASI KONTINJEN
PERBARISAN
ANGKASA HARI KEBANGSAAN 2023**



14 FEBRUARI 2024 (RABU)
12.30 TENGAHARI
DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum WBT, Salam Malaysia
MADANI dan Salam Koperasi,



Terima Kasih Pengacara Majlis

(PROTOKOL SAPAAN DIBERIKAN SEMASA MAJLIS)

1. Alhamdulillah, kita panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dapat kita semua berkumpul pada hari ini bagi meraikan para kontinjen yang



penuh komited memerah segala usaha dan tenaga membawa imej dan jenama ANGKASA dan koperasi pada Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023 pada 31 Ogos 2023 di Putrajaya.

2. Setinggi – tinggi ucapan syabas dan tahniah kerana melalui acara



tersebut kita dapat melihat perpaduan antara ANGKASA, agensi kerajaan dan anggota koperasi untuk bersama-sama menunjukkan kepada masyarakat di luar sana bahawanya koperasi ini nadinya adalah kebersamaan dalam usaha mencapai kejayaan.



3. Prestasi yang ditunjukkan bukan sekadar mendapat perhatian banyak pihak tetapi juga mencerminkan semangat tinggi serta sokongan yang kuat terhadap gerakan koperasi secara keseluruhan. Penyertaan semua pihak sepanjang perbarisan, sebelum, semasa dan selepas bukan sahaja mencerminkan komitmen



tetapi juga dedikasi yang tinggi terhadap apa juga yang kita semua lakukan dalam pembangunan gerakan koperasi.

4. Untuk makluman semua para hadirin hadirat ANGKASA mula menyertai perarakan Hari Kebangsaan peringkat kebangsaan pada tahun



1987 dan yang terakhir pada tahun 1999. Maka Buat julung kalinya selepas 24 tahun, ANGKASA menyertai perbarisan dan perarakan hari Kebangsaan ke-66 di Putrajaya pada tahun ini dengan membawa 115 anggota kontinjen.



5. Kontinjen ini terdiri daripada kakitangan ANGKASA, subsidiarinya MyANGKASA Holdings Sdn Bhd, MyANGKASA Amanah Berhad dan ANGKASA Research & Certification (ARC), Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA), kakitangan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta anggota koperasi yang terdiri



daripada Koperasi Kakitangan ANGKASA Berhad (KOKITA), Koperasi Sukarelawan Rakyat Selangor Berhad, Koperasi Industri Asas Tani Berhad, Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad, Koperasi Warna Nafas Selangor Berhad dan Koperasi Anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Berhad.



6. Saya dimaklumkan juga sepanjang latihan berjalan, terdapat juga peserta yang telah berjuang sehabis baik tetapi tidak dapat bersama-sama kontinjen ANGKASA pada hari kebangsaan kerana mengalami kecederaan atau kesihatan yang tidak mengizinkan. Namun para peserta ini kita tetap kita hargai kerana semangat



KOPERASI PRIHATIN
SELITA SERPONG
PERKAMPARAN MALAYSIA



angkasa



juang dan kecekalan mereka yang tidak berbelah bahagi untuk menjayakan program ini. Terima kasih saya dan ANGKASA ucapkan.

7. Mengambil kira kepada prestasi yang telah kita semua tunjukkan, maka jika diizinkan dan mempunyai peluang, ada kemungkinan kita juga akan



menyertai perbarisan pada tahun ini dan tahun mendatang. Namun kita juga mengambil kira kesediaan penyertaan dan kekangan tugas tuan – tuan dan puan -puan yang padat dengan kerja hakiki masing – masing. Ini semua akan kita pertimbangkan untuk penyertaan seterusnya Insya'Allah.



8. Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada keseluruhan pasukan kontinjen ANGKASA yang diketuai oleh Encik Halim Haji Ibrahim sebagai ketua kontinjen kerana telah menyelaras perbarisan ini dengan amat baik sekali. Syabas kepada Ir. Ts. Mohd Ramli



KOPERASI PRIHATIN
SELITASPOKOK
PERSEKITARAN MALAYSIA



angkasa



Parman selaku Komander yang melatih saudara saudari semua.

9. Dengan tempoh persediaan yang amat singkat tuan - tuan dan puan - puan semua telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan membuktikan bahawa kita sebagai



ahli koperasi mampu untuk mendepani pelbagai cabaran.

10. Akhir kata marilah kita teruskan momentum positif ini untuk bersama mencapai kejayaan yang lebih besar lagi khususnya dalam pembangunan gerakan koperasi. Sekali lagi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua



KOPERASI PRIHATIN
SELANGOR
PERSEKUTUAN MALAYSIA



angkasa



kontinjen ANGKASA samada yang hadir atau tidak pada hari ini.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah.
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.